

Kejayaan industri teknologi tinggi Bergantung kepada pengusaha

BM 19 MAY 1985

Oleh ZAINI ZAINUDDIN

KUALA LUMPUR, Sabtu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan, kejayaan usaha Malaysia menjadi sebuah negara perindustrian baru (NIC) bergantung kepada keberanian para pengusaha meneroka bidang perindustrian teknologi tinggi.

Perdana Menteri berkata, kebanyakan pengusaha di negara ini tidak begitu bersungguh-sungguh memajukan bidang perindustrian dan lebih minat bergiat dalam sektor perumahan dan perladangan kelapa sawit atau getah semata-mata.

"Setiap kali kita berca-

kap mengenai perindustrian elektronik, mereka menganggapnya sebagai suatu bidang baru. Yang sebenarnya bukan. Ia adalah bidang lama," katanya dalam sidang akhbar selepas melawat Institut Sistem Mikro Elektronik Malaysia (Mimos), Jabatan Perdana Menteri di sini.

Bellau berkata, negara-negara seperti Hong Kong dan lain-lain telah lama memasuki bidang perindustrian elektronik dan menghasilkan pelbagai ciptaan.

"Kita mahu pengusaha di negara ini menyertai bidang-bidang berkeuntungan yang menggunakan teknologi termoden.

"Jika para pengusaha di negara ini masih takut

dan tidak mahu memasuki bidang-bidang perindustrian yang baru itu, Malaysia akan gagal menjadi negara perindustrian," tegas beliau.

Kemahiran

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, kerajaan hanya boleh memberikan galakan dan membantu di segi pengetahuan, tetapi ia tidak boleh memaksa para pengusaha menyertai bidang-bidang baru itu.

"Kerajaan tidak akan ragu-ragu untuk membantu mereka di segi memberikan kursus-kursus kemahiran dan pengetahuan lain yang

diperlukan.

"Tetapi kerajaan tidak akan membantu mereka membina kilang, kemudian paksa mereka menyertai bidang berkenaan. Kerajaan tidak akan berbuat sehingga ke tahap itu," tegasnya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Mimos ditubuhkan untuk meningkatkan pengetahuan Malaysia yang masih cetek dalam bidang mikro elektronik.

Melalui institut itu, Malaysia akan dapat menentukan sama ada negara ini boleh mencipta dan mengeluarkan mikrochip untuk kegunaan tempatan atau eksport, katanya.

Mimos, ujarnya, akan memberi kursus kepada jurutera-jurutera swasta dan kerajaan atau mana-mana pihak yang berminat menyertai bidang pembuatan bahan-bahan mikro.

Bellau menegaskan, "Selagi kita tidak faham mengenai bahan-bahan mikro-chip dan berupaya menciptanya sendiri, kita tidak mungkin menyertai bidang-bidang perindustrian yang baru muncul di seluruh dunia seperti mencipta robot, komputer, enjin dan lain-lain."

Datuk Seri Dr Mahathir seterusnya berkata, penyertaan di bidang elektronik tidak bermakna tenaga buruh tidak akan lagi diperlukan pada masa depan.